

14 JUL 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

DEFISIT BELANJAWAN 2002 AKAN DIKURANGKAN

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan cuba mengurangkan defisit Belanjawan kali ini untuk menjaga pembiayaan kerajaan.

"Kalau kita belanja keterlaluan, kita akan hadapi masalah besar. Jika esok ekonomi kita merosot, kita akan hadapi lebih banyak masalah", beliau bercakap pada satu sidang akhbar selepas mempengerusikan sesi dialog Belanjawan 2002 di sini hari ini.

Beliau yang Menteri Kewangan berkata kemampuan kerajaan untuk melayan permintaan daripada pihak-pihak yang meminta pengurangan cukai, pertambahan perbelanjaan dan sebagainya agak terhad.

Menurutnya kerajaan tidak boleh mengurangkan cukai dengan begitu sahaja supaya perniagaan dapat banyak keuntungan ataupun belanja dengan lebih banyak untuk memperbaiki kualiti hidup rakyat.

Jika kerajaan tidak berjaga-jaga serta mengurangkan cukai dan berbelanja dengan begitu banyak, negara akan menghadapi masalah defisit belanjawan yang tinggi serta kedudukan kewangan yang lemah.

"Jika keadaan ekonomi dan kewangan kita tak kuat dan jika kita diserang seperti yang berlaku pada krisis kewangan yang lalu, kita mungkin tak boleh pulihkan ekonomi negara," tambahnya lagi.

Sementara hendak melayan kehendak badan-badan sosial, katanya kerajaan perlu menentukan bahawa kedudukan kewangannya tidak lemah kerana jika ada kejadian yang di luar bidang kuasanya berlaku di negara lain, Malaysia masih mampu mempertahankan kebebasannya dan kekuatan ekonominya.

Oleh itu, katanya kerajaan terpaksa kaji semua cadangan penurunan cukai dan adakalanya ia masih boleh menyebabkan hasil bertambah.

Begitu juga dengan cukai korporat yang jika penurunannya dapat menggalakan kepada perniagaan baru serta mendorong ekonomi tumbuh dengan pesat maka ianya boleh dilakukan, tambahnya lagi.-- BERNAMA

SHO OS